

Siaran Media: Bantuan Rakyat 1Malaysia 2017

 Rabu, Mac 08 2017



Siaran Media Kementerian Kewangan Malaysia

BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA 2017

1. Secara keseluruhan, seramai hampir 6,320,769 permohonan telah diluluskan bagi menerima BR1M 2017 yang merangkumi bantuan RM1,200 kepada 3,242,048 penerima isirumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan kebawah, bantuan RM900 kepada 291,918 penerima isirumah yang berpendapatan bulanan diantara RM3,001 hingga RM4,000, dan bantuan RM450 kepada 2,786,803 penerima individu yang berpendapatan bulanan RM2,000 dan kebawah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM5.41 billion.
2. Merujuk kepada kegagalan permohonan yang berkaitan dengan data pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pemohon boleh membuat permohonan rayuan dengan mengemukakan penyata pendapatan atau penyata akaun bank yang berkaitan kepada LHDN semasa tempoh rayuan bagi mengesahkan maklumat pendapatan pemohon. Dimaklumkan juga, pemohon **tidak perlu** mendapatkan apa-apa pengesahan daripada SSM.
3. Bagi mereka yang gagal dalam permohonan BR1M 2017, surat dan email pemakluman akan dihantar kepada pemohon yang akan menjelaskan sebab kegagalan dan juga kaedah rayuan. Permohonan rayuan boleh dibuat secara percuma di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk di Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan Urban Transformation Centre (UTC) yang terdekat **sehingga 31 Mei 2017** dengan mengisi borang rayuan dan mengemukakan borang tersebut **bersama dokumen sokongan yang berkaitan** seperti penyata gaji, penyata pendapatan, penyata akaun bank (syarikat atau persendirian) dan salinan kad pengenalan pasangan/tanggungan terkini seperti yang dinyatakan didalam surat/email.
4. Selain itu, penerima sediaada yang ingin mengemaskini maklumat terkini seperti **maklumat waris dan alamat surat menyurat** juga boleh berbuat demikian dengan mengunjungi mana-mana cawangan LHDN, PKH dan UTC yang terdekat **dalam tempoh rayuan**.
5. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi talian bebas tol 1800-88-2716 serta email kepada: br1m@treasury.gov.my.

**Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya**

7 Mac 2017

